

13/10/1997

Cadangan serah IADP kepada negeri dikaji

KUANTAN, Ahad - Kementerian Pertanian akan mengkaji semula cadangan menyerahkan pengurusan dan pembiayaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) kepada kerajaan negeri, berikutan reaksi berbeza daripada semua kerajaan terbabit.

Berikutan itu, satu kertas kerja akan dikemukakan kepada Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Majlis Kewangan Negara selewat-lewatnya pertengahan bulan depan.

Kertas kerja berkenaan bertujuan untuk menerangkan mengenai kedudukan sebenar berhubung perkara itu serta beberapa cadangan bagi mengatasi masalah terbabit.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata mengikut perjanjian persefahaman yang dibuat berhubung pembangunan IADP di negara ini, segala pengurusan dan pembiayaan IADP akan diambil alih oleh kerajaan negeri menjelang tahun depan.

"Bagaimanapun, Kementerian Pertanian sudah membuat ketetapan program IADP yang membabitkan lapan jelapang padi di negara ini terus kekal di bawah pembiayaan Kerajaan Pusat.

"Begitu juga dengan IADP sesetengah negeri yang mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan luar negara seperti Bank Dunia akan terus dikekalkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Penyampaian Anugerah Kualiti dan Produktiviti LKIM 1997 peringkat kebangsaan di sini, petang semalam.

(END)